



[ANALYSIS OF HUKM CHANGES FROM THE PANDEMIC PHASE TO THE ENDEMIC PHASE OF COVID-19 IN MALAYSIA]

ANALISIS PERUBAHAN HUKUM DARI FASA PANDEMIK KEPADA FASA ENDEMIK COVID-19 DI MALAYSIA

MUHAMMAD ZAKI RAMLE¹

MOHD ANUAR RAMLI¹

NOR FAHIMAH MOHD RAZIF^{1*}

¹Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: norfahimah@um.edu.my

Received Date: 6 June 2023 • Accepted Date: 31 October 2023

Abstract

Following the success of the nation's COVID-19 immunisation programme, the society's new rules were eased as the nation entered the endemic phase and returned to the previous way of life. This endemic phase transition has provided opportunities and facilities for people to revive economic, political, social, and educational activities, including religious ones. Each phase of the growth from normal to the pandemic and from pandemic to endemic impacted changes in Islamic law. It involves both temporary and permanent changes. Among the temporary legal changes are related to the law of suspension of Friday and congregational prayers, safe distancing in prayer rows, limiting the number of congregations, cross-state bans, marriage contract through a virtual conference, performing tayammum to the deceased person and postponement of Hajj and Umrah. While the law that remains now is the law on the use of the COVID-19 vaccine. Therefore, this study will analyze the change in law from the pandemic stage to the endemic phase of COVID-19 in Malaysia. The researcher used a qualitative approach through library data that was fully utilized and analyzed deductively. The study results found that the changes in the law that took place in the endemic phase prove that Islamic law is flexible, has the characteristics of al-murunah and complies with the method "the law is not disobeyed by the changing times". It is because the stipulation of the law that applies during the pandemic is only temporary and will return to the original hukm when the situation returns to normal.

Keywords: Change in Islamic Rulings, Pandemic, Endemic, COVID-19

Abstrak

Peralihan negara memasuki fasa endemik dapat menyaksikan perubahan norma baharu yang diamalkan oleh masyarakat sebelum ini sudah mula dilonggarkan dan kembali kepada tatacara kehidupan yang asal susulan kejayaan program vaksinasi COVID-19 negara dapat dicapai. Peralihan fasa endemik ini telah memberi peluang dan kemudahan kepada manusia untuk merancakkan kembali kegiatan ekonomi, politik, sosial, pendidikan termasuk aktiviti keagamaan. Setiap fasa peralihan daripada normal kepada pandemik dan daripada pandemik kepada endemik telah memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam. Ia melibatkan perubahan yang bersifat sementara dan kekal. Antara perubahan hukum yang bersifat sementara adalah berkaitan hukum penangguhan ibadah solat jumaat dan solat jemaah, penjarakan saf, pengehadan bilangan jemaah, larangan merentas negeri, nikah atas talian, kaedah tayammum ke atas jenazah COVID-19 serta penangguhan ibadah haji dan umrah. Manakala hukum yang masih kekal sehingga kini seperti hukum penggunaan vaksin COVID-19. Justeru kajian ini akan menganalisis perubahan hukum dari fasa pandemik kepada fasa endemik COVID-19 di Malaysia. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif melalui data-data perpustakaan yang digunakan sepenuhnya dan dianalisis secara deduktif. Hasil kajian mendapati perubahan hukum yang berlaku dalam fasa endemik membuktikan hukum Islam adalah bersifat fleksibel, mempunyai ciri al-murunah dan menepati kaedah “tidak diingkari hukum dengan perubahan zaman”. Ini kerana penetapan hukum yang berlaku semasa pandemik hanyalah bersifat sementara dan akan kembali kepada hukum yang asal apabila keadaan kembali normal.

Kata kunci: Perubahan hukum, Pandemik, Endemik, COVID-19

Cite as: Muhammad Zaki Ramle, Mohd Anuar Ramli & Nor Fahimah Mohd Razif. 2023. Analisis Perubahan Hukum Dari Fasa Pandemik Kepada Fasa Endemik COVID-19 Di Malaysia [Analysis Of Hukm Changes From The Pandemic Phase To The Endemic Phase Of Covid-19 In Malaysia]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 24(1): 51-74.

PENGENALAN

Perkembangan mengenai hukum Islam merupakan suatu ciri yang dinamik. Ia sentiasa berkembang dan berubah seiring perkembangan peradaban manusia atas faktor peredaran zaman, suasana yang berbeza, kecanggihan teknologi serta keperluan manusia di sesuatu lokasi. Hal ini terjadi demikian kerana corak kehidupan manusia di muka bumi ini sentiasa mengalami perubahan sehingga hukum Islam harus diadaptasi sebagai manual kehidupan manusia. Lazimnya setiap zaman pasti akan timbul isu dan permasalahan fiqh yang baharu. Apabila timbul sesuatu peristiwa yang tidak pernah terjadi sebelum ini, Islam pasti memberi solusi melalui penyelesaian hukum syarak yang jelas dan konkret. Begitu juga wabak penyakit yang telah melanda dunia sejak sekian lama, Islam memberi jalan penyelesaian dari aspek panduan hukum kepada manusia untuk menanganinya sama ada dari sudut akidah, ibadah, akhlak maupun psikospiritual.

Sebagaimana yang diketahui umum, dunia kini masih berhadapan dengan wabak penyakit *Coronavirus Disease (COVID-19)* yang merupakan tragedi kemanusiaan pada abad ke-21M melibatkan angka kematian yang tinggi. Selama hampir empat tahun, wabak COVID-19 telah menjangkiti rakyat Malaysia seramai 5,033,038 orang dengan 37,020 angka kematian di samping kes yang masih aktif sebanyak 14,291(KKMNOW, 2023). Selari dengan itu, negara

Malaysia telah mengalami perubahan sebanyak dua fasa iaitu dari fasa pandemik kepada fasa endemik. Bermula fasa pandemik, masyarakat dididik dengan pembudayaan norma baharu seperti penjarakan fizikal, amalan kebersihan, pemakaian pelitup muka di samping menjauhi 3C (*crowded places, confined spaces dan close conversation*)(MKN, 2020). Pembudayaan norma baharu ini sedikit sebanyak memberi kesan terhadap perubahan hukum berkaitan aktiviti ibadah umat Islam seperti penangguhan solat fardhu dan solat jumaat, pengehadan bilangan jemaah, penjarakkan saf, nikah atas talian dan lain-lain. Pembudayaan norma baharu dalam ibadah ini dibentuk melalui kerangka hukum yang ditetapkan oleh ijтиhad berdasarkan pandangan daripada Muzakarah Majlis Fatwa Kebangsaan, fatwa negeri, bahkan fatwa ulama di peringkat antarabangsa. Justeru, terdapat beberapa fatwa yang telah diwartakan oleh Jabatan Mufti diterima pakai bagi seluruh negara.

Bermula 1 April 2022, kerajaan telah mengisyiharkan negara Malaysia memasuki fasa endemik. Peralihan negara memasuki fasa endemik dapat menyaksikan perubahan norma baharu yang diamalkan oleh masyarakat sebelum ini sudah mula dilonggarkan dan kembali kepada tatacara kehidupan yang lama ekoran kes jangkitan COVID-19 semakin menurun dan program vaksinasi COVID-19 negara dapat dicapai dengan jayanya. Peralihan fasa endemik ini membuka ruang dan kemudahan kepada manusia untuk merancakkan kembali kegiatan ekonomi, politik, sosial, pendidikan termasuk aktiviti keagamaan. Ia merupakan ‘exit strategy’ bagi membolehkan rakyat Malaysia kembali kepada kehidupan hampir normal. Namun begitu, transisi menuju fasa endemik memberi implikasi terhadap kehidupan manusia. Antaranya masyarakat perlu menggabungkan tradisi lama yang masih relevan dan norma baharu bagi menyesuaikan diri dengan realiti semasa ketika endemik (Ramli, 2021).

Peralihan fasa tersebut, secara tidak langsung memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam sama ada perubahan yang bersifat sementara dan kekal. Antara perubahan hukum yang bersifat sementara adalah berkaitan hukum pelaksanaan ibadah solat jumaat dan solat jemaah, penjarakan saf, pengehadan bilangan jemaah, larangan merentas negeri, nikah atas talian, kaedah tayamum ke atas jenazah COVID-19 serta penangguhan ibadah haji dan umrah. Manakala hukum yang masih bersifat kekal sehingga kini adalah hukum penggunaan vaksin COVID-19. Oleh itu, setiap perubahan hukum yang berlaku mempunyai nilai dan justifikasinya tersendiri bergantung kepada *waqi’* semasa. Segala perubahan ini tertakluk di bawah bidang kuasa pihak pemerintah (*ulul amri*) demi menjaga kemaslahatan keluarga Malaysia dan kesejahteraan negara. Justeru, dalam kajian ini penulis menganalisis perubahan hukum yang berlaku dari fasa pandemik kepada fasa endemik COVID-19 di Malaysia.

TEORI PERUBAHAN HUKUM ISLAM

Dalam penetapan hukum syarak, terdapat dua komponen hukum di dalamnya yang bersifat tetap (*al-thawwabit*) dan yang bersifat berubah (*al-mutaghayyirat*). Hukum Islam yang bersifat *al-thawwabit* tidak akan sesekali mengalami perubahan sepanjang masa sehingga ke hari kiamat. Hal ini kerana dalil-dalil *al-thawwabit* yang terkandung di dalam al-Quran dan al-Sunnah adalah berbentuk *nas qat’i* yang tidak memerlukan kepada penilaian ijтиhad. Ia merangkumi perkara-perkara usul agama yang wajib diketahui (*al-Ma’lum Min al-Din Bi al-Darurah*) oleh umat Islam seperti 5 rukun islam, 6 rukun iman, asas hukum kekeluargaan,

muamalat, jihad, kehakiman dan lain-lain lagi (Noor & Noor, 2021).

Sedangkan hukum yang bersifat berubah (*al-mutaghayyirat*) merupakan cabang (*furu'*) hukum yang sentiasa mengalami transformasi seiring peredaran zaman, tempat dan keadaan. Komponen *al-mutaghayyirat* ini terdiri dari hukum yang bersifat *ijtihadi*, berdalilkan *dzanni* dan boleh terikat dengan budaya, adat atau '*uruf*' dalam sesbuah masyarakat (Saadan Man, 2005). Hukum ini masih boleh diperbahaskan dan dipertikaikan melalui ruang lingkup *khilafiyah* dalam kalangan imam mujtahid. Berbeza dengan hukum *al-thawwabit*, ia tidak boleh dipersoalkan, malah mempertikaikan hukum tersebut boleh menyebabkan seseorang individu berdosa dan terkeluar daripada agama Islam (Ibn Taimiyyah, 2005). Perkara ini telah disebut oleh Imam al-Ghazali dalam kitab *al-mustasfa*:

ووجوب الصلوات الخمس والزكوات، وما اتفقت عليه الأمة من جليات الشرع، فيها

أدلة قطعية يأثم فيها المخالف، فليس ذلك محل الاجتهاد

“Kewajipan solat lima waktu dan membayar zakat merupakan perkara disepakati ke atas jumhur ulama dari syarak yang jelas, padanya merupakan dalil qat'i yang boleh membawa dosa sekiranya bertentangan, maka tidak sesuai (dalil qat'i) menjadi platform untuk ijtihad.” (Al-Ghazali, 1993).

Jika diperhatikan, skop perbahasan mengenai *al-mutaghayyirat* lebih luas diperbincangkan berbanding hukum yang bersifat *al-thawwabit*. Ini kerana terdapat masalah baharu yang timbul melibatkan hukum, tidak ditemukan di dalam karya fiqh ulama silam mahupun nas-nas syarak. Apatah lagi apabila berada pada zaman yang serba canggih di era revolusi industri 4.0 ini, pastinya timbul pelbagai persoalan yang menuntut kepada jawapan hukum baharu. Malah terdapat juga sebahagian hukum yang diputuskan oleh ulama' silam dilihat tidak relevan untuk diaplikasikan pada zaman kini. Para ulama mutakhir berpandangan sekiranya imam dan fuqaha mereka wujud pada situasi hari ini, sudah pasti mereka menukar fatwa sebagaimana ulama mutakhir putuskan (Al-Qaradawi, 1996). Oleh sebab itu, ulama usul telah memperkenalkan suatu doktrin atau kaedah yang disebut sebagai لا ينكر تغير الأحكام بتغير الزمان (tidak diingkari perubahan hukum disebabkan perubahan masa). Begitu juga Ibnu Qayyim mendatangkan satu kaedah yang hampir serupa dengan menambah empat faktor selain faktor zaman :

تغیر الفتوى، و اختلافها بحسب الأزمنة والأمكنة والأحوال والنيات والعادات

“Perubahan fatwa, dan perbezaan hukum tentangnya disebabkan faktor zaman, tempat, situasi, niat, dan faktor adat.” (Al-Jauziyyah, 1991).

Dalam sejarah menunjukkan perubahan hukum dan fatwa pernah terjadi bermula pada era zaman Nabi Muhammad SAW, para sahabat dan mujtahid imam mazhab. Perubahan ini turut didominasi oleh faktor zaman, situasi, demografi dan tempat yang akhirnya membawa

kepada kemaslahatan. Ia menjadi tradisi sejak dahulu sehingga saat ini agar perubahan tersebut bersesuaian dengan tuntutan semasa dan perubahan sosial yang berlaku di sekeliling manusia. Umumnya perubahan-perubahan sosial yang berlaku di sekeliling manusia datang dari faktor dalaman dan faktor luaran. Menurut Darwis (2017), perubahan faktor dalaman boleh terjadi apabila berkurang dan bertambahnya bilangan penduduk, adanya penemuan baharu, revolusi manusia, munculnya penentangan dan lain-lain. Manakala faktor luaran pula disebabkan perubahan iklim, pengaruh budaya masyarakat lain dan berlaku peperangan. Selain itu, Salleh (2015) menyebutkan faktor perubahan sosial juga boleh berlaku hasil dari cetusan idea, kepimpinan yang berkaliber dan penetapan undang-undang serta persekitaran semula jadi.

Faktor persekitaran semula jadi merupakan elemen yang saling berinteraksi dengan manusia. Apabila salah satu ini berubah, ia turut mempengaruhi elemen yang lain menyebabkan manusia berada dalam kesempitan dan kesusahan. Perubahan persekitaran semula jadi adalah melibatkan bencana alam seperti berlaku gempa bumi, banjir kilat, kemarau berpanjangan dan letusan gunung berapi. Implikasinya, segala aktiviti kehidupan seharian yang berlaku secara normal menjadi tidak normal disebabkan berlaku bencana alam. Proses pencarian rezeki juga turut terjejas akibat pekerjaan, kawasan perumahan, hutan dan sebagainya musnah (Al-Azhari, 2022). Lantaran itu bencana alam yang menimpa masyarakat awam telah menimbulkan tanda tanya yang melibatkan persoalan hukum syarak. Antaranya isu berkaitan meninggalkan solat jumaat dan solat jemaah bagi membantu mangsa, menunaikan solat dalam rumah ibadat agama yang lain, menunaikan solat tidak menghadap kiblat, pengebumian jenazah secara berkumpulan, menyegerakan pengeluaran zakat yang belum tiba masanya dan membersihkan rumah ibadat bukan Islam serta banyak lagi.

Sehubungan dengan itu, situasi faktor bencana alam mempunyai pertalian rapat dengan situasi penyakit wabak berjangkit yang berlaku pada hari ini iaitu virus COVID-19. Meskipun virus COVID-19 tidak melibatkan kemusnahan harta benda, namun ia memberi kesan buruk terhadap kondisi kesihatan dan nyawa manusia. Akibatnya, seluruh sektor ekonomi, kesihatan, agama, pendidikan, politik dan sosial turut terjejas sama ada di peringkat lokal maupun global. Tidak terkecuali aktiviti ibadah umat Islam turut terkesan ekoran pihak kerajaan Malaysia melaksanakan PKP, pembudayaan SOP norma baharu dan larangan melibatkan aktiviti perkumpulan ramai bagi mencegah penularan wabak. Maka dapat disimpulkan bahawa faktor penyebaran penyakit berjangkit seperti virus COVID-19 merupakan faktor luaran yang boleh mempengaruhi perubahan sosial dalam kalangan masyarakat dan akhirnya memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam itu sendiri.

PERUBAHAN FASA PANDEMIK KEPADA FASA ENDEMIK

Istilah pandemik dan endemik mula menjadi sebutan dalam kalangan masyarakat di Malaysia sejak kemunculan virus COVID-19 pada tahun 2020 yang berasal dari wilayah Wuhan, China. Virus berbentuk SARS-CoV-2 mampu berkembang menyebabkan jangkitan tersebut boleh menjadi pandemik, epidemik maupun endemik. Secara amnya, definisi pandemik merujuk kepada kejadian penyakit dengan bilangan kes melebihi kadar biasa yang berlaku ke seantero dunia dan melibatkan populasi yang besar (KKM, 2022a). Ciri pandemik tersebut melibatkan kadar serangan yang tinggi dalam masa yang singkat. Ia melibatkan sebaran yang pantas dan

menyebabkan kematian yang tinggi. Antara contoh pandemik yang berlaku seperti kejadian *black death* antara kurun ke-14 hingga kurun 17, pandemik influenza-spanish Flu (1918-1919), Influenza H1N1 (2009) dan pandemik COVID-19 (2020-kini).

Semenjak Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisyiharkan wabak COVID-19 sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 yang lalu, pihak kerajaan Malaysia melancarkan Perintah Kawalan Pergerakan dan larangan menyeluruh terhadap aktiviti yang melibatkan perhimpunan ramai termasuk aktiviti keagamaan, sukan sosial dan budaya. Di samping itu, budaya amalan norma baharu seperti penjarakkan fizikal, tidak bersalaman, memakai pelitup muka dan menjauhi diri dari tempat yang sesak mula diterapkan dalam komuniti masyarakat sehingga mencetuskan perubahan sosial. Kesan daripada fenomena sosial ini telah mengubah cara kehidupan manusia dari norma lama kepada norma yang baharu. Secara tidak langsung ianya memberi kesan terhadap perubahan hukum berkaitan aktiviti ibadah sehari-hari umat Islam yang bersifat sementara.

Dalam kajian Wahidin (2020), Noor dan Noor (2021) serta Bhari et al, (2021) menunjukkan terdapat perubahan hukum yang diputuskan oleh pihak autoriti agama semasa pandemik COVID-19, antaranya hukum berkaitan penutupan masjid, meninggalkan solat berjemaah dan solat jumaat, pengehadan bilangan jemaah, penjarakkan saf satu meter, memakai pelitup muka ketika solat, penangguhan ibadah haji dan umrah, pengurusan jenazah COVID-19 serta larangan merentas negeri. Namun kajian ini hanya menfokuskan aspek perubahan hukum yang berlaku ketika fasa pandemik sahaja.

Manakala istilah endemik pula merujuk kepada kejadian penyakit yang sentiasa wujud dalam komuniti masyarakat atau sesuatu tempat tetapi berada pada kadar yang stabil, tidak meningkat dan tidak menurun. Tempoh endemik juga tidak dinyatakan bilakah waktunya akan berakhir. Antara contoh endemik yang berlaku adalah selsema, demam Malaria, Lassa dan Polio, wabak Bubonik, Flue influenza, Hepatitis B, Syphilis, HIV, demam denggi di Malaysia dan yang terbaru adalah wabak COVID-19. Lazimnya istilah endemik ditafsirkan secara salah oleh sebahagian pihak kerana terdapat dakwaan virus COVID-19 ketika ini tidak lagi berbahaya dan akan berakhir secara semula jadi (Katzourakis, 2022). Sedangkan wabak endemik boleh hadir dan menyerang komuniti di sesuatu tempat pada bila-bila masa. Buktinya kemunculan varian Alpha dan Delta lebih ganas menyerang manusia berbanding virus pertama yang pernah tersebar di wilayah Beijing meskipun wilayah tersebut telah melakar kejayaan dengan sifar kes (Berita Harian, 2022). Hal ini menyebabkan ramai yang dijangkiti berada dalam keadaan kritikal.

Bermula Malaysia memasuki fasa endemik pada 1 April 2022, masyarakat dididik untuk hidup bersama virus COVID-19 (*living with COVID-19*) secara sihat dan selamat walaupun virus COVID-19 masih lagi wujud di sekeliling manusia. Kejayaan Malaysia memasuki fasa endemik setelah melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebanyak 4 fasa diikuti kes jangkitan COVID-19 semakin menurun dan kejayaan program vaksinasi COVID-19 negara telah mencapai 90%. Namun begitu, Malaysia masih berhati-hati memasuki fasa endemik kerana peralihan tersebut memerlukan penyesuaian dengan norma baharu. Untuk hidup bersama virus COVID-19, setiap individu perlu mengambil langkah-langkah yang telah digariskan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) seperti mengamalkan langkah pencegahan, kenali dan fahami tentang virus COVID-19, mendapatkan vaksin dan dos penggalak, sentiasa lakukan

penilaian risiko kendiri dan amalkan TRIS (KKM, 2022b). Beberapa ketetapan SOP yang dikuatkuasakan ketika pandemik sudah mula dilonggarkan secara beransur-ansur terutamanya melibatkan sektor ekonomi, sosial, pendidikan dan aktiviti ibadah. Segala urusan dilakukan secara maya sebelum ini, kini boleh dijalankan secara fizikal dan bersemuka. Dalam Jadual 1 di bawah menunjukkan ketetapan SOP sewaktu pandemik telah berubah sejurus sahaja negara Malaysia memasuki fasa endemik:

Jadual 1: Kelonggaran SOP ketika memasuki fasa endemik

Bil.	SOP	Tarikh berkuatkuasa
1	Pemeriksaan suhu sebelum masuk mana-mana premis tidak diwajibkan lagi	11 Februari 2022
2	Had waktu beroperasi bagi premis perniagaan dimansuhkan.	1 April 2022
3	Pembukaan sempadan negara	1 April 2022
4	Semua individu dibenarkan merentas negeri tanpa mengira status vaksinasi	1 April 2022
5	Aktiviti solat Jemaah di masjid boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal	1 April 2022
6	Pelitup muka di luar bangunan dan kawasan terbuka tidak lagi diwajibkan	1 Mei 2022
7	Imbasan kod QR Mysejahtera tidak diwajibkan	1 Mei 2022
8	Pemakaian pelitup muka di sekolah tidak diwajibkan	10 September 2022

Sumber: Kenyataan Media Berkaitan Fasa Peralihan Ke Endemik (Prime Minister's Office of Malaysia, 2022)

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan kaedah perpustakaan yang berasaskan kepada pendekatan kualitatif bagi mengumpulkan data dengan merujuk kepada pengkalan data ilmiah seperti artikel jurnal, buku ilmiah dan kertas kerja persidangan yang berkaitan dengan teori perubahan hukum Islam. Manakala laman sesawang seperti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan laporan akhbar telah diakses bagi mendapatkan info tentang SOP yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia sewaktu fasa pandemik dan fasa endemik serta hukum-hakam yang telah dikeluarkan oleh pihak autoriti agama. Artikel ini menumpukan proses perubahan hukum yang berlaku dari fasa pandemik kepada fasa endemik COVID-19 yang melibatkan hukum bersifat sementara dan bersifat tetap. Antara perubahan hukum yang bersifat sementara adalah hukum berkaitan pelaksanaan ibadah solat jumaat dan solat secara berjemaah, penjarakan saf, pengehadan bilangan jemaah, larangan merentas negeri, nikah atas talian, hukum memandikan jenazah COVID-19 serta penangguhan ibadah haji dan umrah. Manakala hukum yang bersifat kekal sehingga fasa endemik adalah hukum penggunaan vaksin COVID-19. Oleh itu, data yang dikumpulkan kemudian dianalisis kandungannya secara deduktif bagi merumuskan dapatan kajian diperolehi.

HASIL KAJIAN

Dalam proses perubahan hukum di Malaysia, terdapat tujuh pihak yang terlibat dalam usaha membina polisi umum berkaitan hukum-hakam COVID-19, antaranya Yang di-Pertuan Agong dan Raja atau sultan di setiap negeri, Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Menteri Hal Ehwal Agama), Pejabat Mufti, Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Agama Islam Negeri (Mutalib et al., 2020). Segala perubahan hukum yang dibuat telah melalui perbincangan secara kolektif dari pelbagai pihak yang terdiri daripada para alim ulama, ahli akademik, dan pakar profesional yang terdiri daripada ahli perubatan dan kesihatan bagi melahirkan kesepakatan dalam muzakarah. Justeru hukum tersebut dipaparkan sama ada melalui pewartaan fatwa maupun pendapat peribadi mufti sendiri.

Perubahan hukum yang berlaku ketika pandemik bukan bermakna memperbaharui amal ibadah tersebut, sebaliknya ia disuaikan dalam pelbagai situasi sebagai cara bagaimana ibadah tersebut masih boleh dilakukan secara teknikal meskipun keadaan semasa berubah (Ramlie et al., 2021). Secara umumnya, keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti mempunyai hukum yang bersifat sementara dan bersifat tetap. Kebanyakkhan hukum yang bersifat sementara hanya terpakai sewaktu pandemik COVID-19. Namun ketika beralih ke fasa endemik, kesemua hukum tersebut telah kembali berubah mengikut hukum yang asal melainkan hukum penggunaan vaksin COVID-19 yang dilihat masih relevan sehingga kini. Oleh itu, segala perbahasan terperinci adalah seperti berikut :

A. PERUBAHAN HUKUM BERSIFAT SEMENTARA

1. Penangguhan Solat Jumaat dan Solat Berjemaah

Masjid merupakan tempat suci umat Islam untuk melakukan aktiviti keagamaan seperti menunaikan solat fardhu berjemaah, solat Jumaat, solat tarawih, witir dan lain-lain. Pada asasnya mengerjakan solat berjemaah di masjid merupakan fardhu kifayah dan menunaikan solat jumaat hukumnya adalah fardhu ain (wajib) kerana tuntutan solat merupakan komponen *al-thawwabit*. Status *fardhu kifayah* boleh berubah menjadi *fardhu ain* apabila penduduk di kawasan kariah tersebut tidak mendirikan solat berjemaah dan menyebabkan seluruh penduduk akan ditimpa dosa. Walau bagaimanapun semasa tempoh pandemik COVID-19, solat fardhu berjemaah dan solat jumaat tidak dapat dilakukan dan pelaksanaannya amat terbatas. Situasi pandemik ini dapat dilihat dalam dua keadaan iaitu semasa wabak COVID-19 merebak tanpa terkawal dan semasa wabak COVID-19 masih terkawal.

Semasa wabak COVID-19 merebak tanpa terkawal, hukum menunaikan solat berjemaah dan solat jumaat di Masjid tidak lagi menjadi wajib oleh kerana ia melibatkan perhimpunan berskala besar yang membolehkan virus tersebut tersebar dengan pantas. Akan tetapi solat jumaat tersebut wajib digantikan dengan solat Zohor di rumah kediaman masing-masing. Lantaran itu, laungan azan masih tetap berkumandang sebagai tanda masuknya waktu azan dengan menambah perkataan “*Solatlah di rumah-rumah kamu*”. Penangguhan ini bertitik tolak daripada perintah larangan semasa PKP yang diisyiharkan oleh Perdana Menteri dan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas pada 15 Mac 2020 (JAKIM, 2020a).

Keputusan yang diambil adalah selaras dengan pandangan institusi fatwa sedunia, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Justeru kebimbangan terhadap penyebaran wabak merupakan keuzuran yang diizinkan syarak kerana penularan tersebut berpotensi mendarangkan kemudaratan yang lebih besar. Hal ini bertepatan dengan kaedah fiqh yang berbunyi:

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: “*Menolak kemudaratan itu lebih utama berbanding mendatangkan maslahah*” (as-Suyūthī, 1983).

Dalam keadaan wabak COVID-19 masih terkawal, aktiviti solat fardu jumaat dan solat secara berjemaah mula dibenarkan secara berperingkat bagi kawasan yang telah memasuki fasa PKPP dan PPN dengan syarat khutbah dipendekkan dan orang ramai perlu berwuduk dari rumah. Manakala mereka yang mempunyai simptom COVID-19 tidak perlu hadir solat Jumaat kerana termasuk dalam golongan orang yang sakit dan pihak masjid wajib menyediakan hand sanitizer serta memakai pelitup muka (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020). Dalam keadaan ini status hukum harus meninggalkan solat jumaat sewaktu PKP telah berubah menjadi wajib untuk melaksanakannya terutama bagi kawasan PKPP dan fasa PPN. Oleh itu, golongan yang wajib menghadiri ke masjid terdiri daripada AJK masjid dan surau, individu yang sihat dan tidak bergejala serta telah mengambil vaksin lengkap.

Bermula negara Malaysia memasuki fasa endemik, sektor sosial terutamanya masjid dan surau diberikan kelonggaran SOP untuk kembali operasi sepenuhnya dalam keadaan yang lebih baik. Ketika ini masjid dibuka seluas-luasnya bagi menggalakkan jemaah hadir dan tiada lagi sekatan di pintu masuk masjid seperti imbasan QR code dan pengimbas suhu dikenakan. Maka hukum harus meninggalkan solat fardhu jumaat ketika pandemik kini telah berubah menjadi wajib ke atas semua *mukallaf*. Dalam hal ini, umat Islam tidak lagi wajar menggunakan alasan tertentu seperti *darurah*, *masyaqqah* dan *rukhsah* sewenang-wenangnya untuk melepaskan diri daripada taklifan syarak memandangkan situasi wabak kini sudah berbeza (Idris, 2021). Jika sepanjang fasa pandemik yang lalu, kebanyakkan hukum Islam berdasarkan elemen darurah, masyaqqah dan rukhsah ekoran ancaman penularan wabak COVID-19 yang tidak terkawal, pelaksanaan PKP dan penguatkuasaan SOP, kini asbab yang dahulu telah terangkat dan berubah apabila memasuki fasa endemik.

Jadual 2: Perubahan hukum dan SOP solat fardhu berjemaah dan solat jumaat dari fasa pandemik kepada fasa endemik

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Wajib mendirikan solat Jumaat	Tidak Mendirikan solat jumaat	Wajib melaksanakan solat Jumaat
Solat Jumaat di Masjid	Solat zohor di rumah	Solat jumaat di Masjid
Azan menyeru solat di masjid	Laungan azan menyuruh solat di rumah	Laungan azan menyeru solat di masjid
Membaca khutbah	Khutbah dipendekkan	Khutbah dibaca seperti biasa

Tiada syarat berkaitan vaksin	Disyaratkan individu mengambil vaksin lengkap dan dos penggalak.	Tidak disyaratkan individu mengambil vaksin lengkap dan dos penggalak.
-------------------------------	--	--

2. Penjarakan saf satu meter dan Pengehadan Bilangan Jemaah

Kaedah penjarakan sosial atau penjarakan fizikal merupakan salah satu cara untuk menangani penularan wabak COVID-19 secara efisien selain menjaga kebersihan diri, memakai pelitup muka (*face mask*), kerap mencuci tangan dengan sabun dan lain-lain. Tujuan penjarakan fizikal adalah untuk mengehadkan interaksi orang ramai dan menjaga jarak antara satu sama lain bagi tempoh masa tertentu. Analoginya, semakin dekat seseorang itu berinteraksi dengan individu yang dijangkiti COVID-19 semakin tinggi peluang mereka terkena jangkitan. Rentetan daripada itu segala SOP berkaitan aktiviti pengimaranan masjid mula diterapkan sepanjang pandemik dengan penjarakan saf satu meter dan mengehadkan bilangan jemaah mengikut jumlah yang ditentukan.

Pada asasnya hukum merapatkan solat adalah sunat dan merupakan salah satu daripada Sunat-Sunat Hai`ah. Menjarakkan saf dalam keadaan normal pula hukumnya adalah makruh dan boleh meluputkan pahala solat berjemaah. Hal ini berdasarkan kepada hadith Nabi yang bermaksud: “*Luruskan saf-saf kalian, kerana meluruskan saf termasuk dalam sebahagian kesempurnaan solat (berjemaah)*” (Hadith Riwayat Al-Bukhari: 723). Namun sekiranya menjarakkan saf disebabkan terdapat keperluan seperti musibah ataupun keuzuran *syar’ie*, ia tidak lagi dikira sebagai perkara makruh ataupun diharamkan (Kamaruddin et al., 2021). Lantaran itu, keharusan merengangkan saf dalam suasana pandemik dibenarkan berdasarkan justifikasi berikut (Yatim, 2021):

- I. Tidak terdapat sebarang nas atau dalil yang *qat'i* (putus) dalam isu merapatkan saf.
- II. Dalam isu penjarakan saf boleh berlakunya khilaf (perbezaan) pendapat dalam kalangan ulama berdasarkan ijtihad masing-masing.
- III. Terdapat kaedah fiqh “semua hukum berlegar bersama *illah* (sebab), sama ada ia wujud atau tidak”. Maka wujudnya penjarakan saf itu disebabkan terdapat *illah* (sebab) iaitu penularan wabak COVID-19. Sekiranya tiada sebab, maka tiada hukum tersebut.
- IV. Merapatkan saf tidak termasuk dalam syarat-syarat sah solat berjemaah. Antara syarat sah berjemaah ialah berkumpulnya imam dan maknum di suatu tempat yang sama. Maka hal ini tetap tercapai dalam situasi solat berjemaah secara berjarak.

Manakala dari aspek pengehadan bilangan untuk mendirikan solat jumaat pula, para ulama bersepakat bahawa syarat sah solat Jumaat hendaklah dilakukan secara berjemaah. Namun, mereka berselisih pada kadar bilangan jemaah yang menjadi had penentuan sahnya solat Jumaat kepada beberapa pendapat. Sebahagian pandangan mazhab ada yang menetapkan bilangan minima mendirikan solat jumaat sekurang-kurangnya kepada 3, 12 dan 40 orang ataupun lebih (Al-kasani 2003 dan Al-Shirazi 1992). Oleh yang demikian, jumlah kehadiran jemaah ke masjid sepanjang fasa pandemik ini ditetapkan di bawah bidang kuasa negeri masing-masing. Penetapan bilangan jemaah adalah berbeza-beza bagi sesetengah kawasan yang memasuki fasa PKP 1.0, PKP 2.0, PKP 3.0 dan fasa Pelan Pemulihan Negara PPN.

Sepanjang pelaksanaan PKP, negeri Selangor menetapkan hanya 5 petugas masjid dan surau dibenarkan menunaikan solat Jumaat serta solat fardu secara berjemaah pada setiap waktu. Berbeza pula pelaksanaan di negeri Johor dihadkan kepada 12 orang sahaja sepanjang PKP, manakala negeri Pulau Pinang menetapkan seramai 15 individu termasuk imam, bilal, siak dan ahli jawatankuasa masjid. Bagi negeri yang telah memasuki fasa PKPB seperti Kelantan, mereka dibenarkan mendirikan solat jumaat seramai 50 orang jemaah (Bernama, 2021). Namun setelah negara melalui fasa penguatkuasaan PKP, kerajaan Malaysia mula menyediakan Pelan Pemulihan Negara PPN sebagai strategi peralihan keluar secara berfasa daripada kemelut pandemik. Apabila negara berjaya menempuh PPN sebanyak empat fasa, kini Malaysia sudah bersedia untuk memasuki fasa endemik pada 1 April 2022. Peralihan fasa endemik ini telah memberi ruang dan kemudahan untuk umat Islam melakukan pelbagai aktiviti ibadah di masjid dan surau tanpa penjarakan fizikal dan pengehadan bilangan jemaah. Walau bagaimanapun pelaksanaan SOP masih tertakluk di bawah Pihak Berkuasa Agama Negeri.

Jadual 3: Perubahan hukum dan SOP penjarakkan saf dan pengehadan bilangan jemaah dari fasa pandemik kepada fasa endemik

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Rapatkan saf solat	Penjarakkan saf satu meter	Saf mula dirapatkan
Tanpa had jemaah	Pengehadan bilangan jemaah kepada 5, 12, 15 dan 50 orang	Tiada had bilangan jemaah ditetapkan
Tanpa penggiliran	Menggunakan sistem penggiliran untuk menunaikan solat jumaat	Sistem penggiliran telah dihapuskan
Semua pihak boleh ke masjid	Kanak-kanak tidak dibenarkan menghadiri ke masjid	Dibenarkan hadir tanpa menetapkan had usia bagi mereka yang menerima dua dos vaksin

3. Akad Nikah Atas Talian

Nikah atas talian merupakan akad nikah yang dilaksanakan secara jarak jauh tanpa melibatkan pertemuan kedua-dua pihak iaitu wali dan pasangan lelaki secara bersemuka. Kesemua pihak yang terlibat boleh mendengar suara dan melihat rupa fizikal antara satu sama lain melalui sidang video, akan tetapi tidak berada dalam satu majlis (*ittihad al-majlis*) untuk melafazkan ijab dan kabul. Pernikahan ini dijalankan melalui pelbagai platform seperti aplikasi google meet, zoom, Webex dan video messenger. Pada asalnya pelaksanaan akad nikah boleh dilakukan di masjid, pejabat kadi ataupun di rumah pengantin perempuan yang dikendalikan oleh tok kadi atau imam. Namun penguatkuasaan PKP semasa pandemik COVID-19 menyebabkan segala pergerakan aktiviti melibatkan perkumpulan orang ramai disekat dan dilarang. Lantaran itu, pertemuan antara kedua pihak wali dan pasangan lelaki untuk menjalankan akad nikah tidak dapat diteruskan.

Rentetan daripada halangan tersebut, pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) membenarkan kaedah pelaksanaan akad nikah melalui atas talian mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dan betul. Kebenaran ini berpandukan daripada hasil resolusi

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-97 yang bersidang pada 15-17 Disember 2011 iaitu harus melakukan akad nikah menerusi sidang video (*video conference*). Meskipun para fuqaha' meletakkan syarat akad nikah itu hendaklah dilakukan dalam satu majlis (*ittihad al-majlis*) supaya semuanya terlibat secara langsung semasa pelaksanaan ijab dan kabul, akad nikah menerusi sidang video ini telah memenuhi syarat *ittihad al-majlis* kerana ia termasuk sebagai *Ittihad al-Majazi* (JAKIM, 2013).

Tambahan lagi *Majma‘ al-Fiqh al-Islami* turut memberikan pandangan yang sama iaitu terdapat kelonggaran dengan mengharuskan akad nikah secara atas talian sekiranya terdapat keperluan atau halangan seperti wabak COVID-19 dengan syarat ia mestilah mendapat keizinan daripada pihak pemerintah (Ismail et al., 2021). Oleh sebab itu, perkahwinan secara dalam talian adalah bergantung kepada syarat dan kelulusan yang ditetapkan oleh Majlis Agama Islam negeri bagi kes tertentu. Pernikahan secara dalam talian hanyalah diberi keutamaan kepada pasangan yang mendaftar sebelum perintah kawalan pergerakan (PKP) dikuatkuasa atau pasangan yang sudah lama menunggu untuk diijab kabul. Bagi pasangan yang baru mendaftar pada waktu PKP, ia bergantung kepada keperluan dan perbincangan sebelum kebenaran diberikan (Muhamad, 2021).

Namun situasi berubah apabila negara memasuki fasa endemik, akad nikah yang dijalankan secara atas talian kini kembali dilangsungkan secara fizikal dan boleh dilaksanakan seperti biasa sebagaimana sebelum tempoh Pandemik COVID-19. Semua SOP majlis akad nikah yang dikeluarkan oleh JAIN sepanjang tempoh Pandemik COVID-19 sehingga Fasa Peralihan ke Endemik bertarikh 1 April 2022 telah dibatalkan. Antara kelonggaran SOP dalam majlis akad nikah boleh dilaksanakan di JAIN, masjid dan premis lain dengan kebenaran pihak berkuasa. Manakala aktiviti fotografi dibenarkan sepanjang majlis pernikahan dan majlis kenduri pula dibenarkan mengikut keluasan ruang dengan penjarakan fizikal (MKN, 2022). Pun begitu, masyarakat perlu mengikut SOP yang ditetapkan oleh pihak KKM dan KKM dari semasa ke semasa.

Jadual 4: Perubahan hukum dan SOP akad nikah atas talian dari fasa pandemik kepada fasa endemik.

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Bebas mengadakan majlis kenduri	Tidak dibenarkan majlis kenduri	Bebas mengadakan majlis kenduri
Akad nikah bersemuka	Akad nikah dalam talian	Akad nikah dijalankan secara bersemuka
Tiada batas masa	Akad nikah berlangsung selama 20 minit	Semua SOP dibatalkan
Tiada batas kehadiran	Orang yang hadir menyaksikan tidak melebihi 8 orang	
Tidak perlu permit	Mendapatkan permit kebenaran rentas negeri	
Giliran ikut turutan tempahan masa	Akad nikah perlu mengikut giliran	
Tiada keutamaan tertentu	Diberi keutamaan kepada pasangan yang mendaftar sebelum (PKP)	

4. Larangan Merentas Negeri

Amalan ziarah-menziarahi sudah menjadi sinonim dalam budaya masyarakat Malaysia menjelang perayaan hari raya Aidilfitri. Ia merupakan satu amalan yang disyariatkan, bahkan sangat digalakkan dalam Islam bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara satu sama lain. Terdapat pelbagai jenis ziarah yang dituntut dalam Islam. Antaranya menziarahi kedua-dua ibu bapa di kampung, menziarahi orang yang sakit di hospital, menziarahi jiran tetangga, sahabat handai dan rakan, serta memenuhi jemputan yang diundang. Kebiasaan amalan berziarah menjadi kemeriahan pada musim perayaan, musim cuti dan sambutan majlis tertentu. Menjelang penguatkuasaan PKP, kesemua aktiviti merentas daerah, negeri dan perjalanan ke luar negara tidak lagi dibenarkan bermula 10 Mei 2021 (MKN, 2021). Justeru, hukum amalan berziarah pada asalnya sunat kini menjadi haram. Ini kerana terdapat petikan hadis yang menyebut:

إِذَا سَمِعْتُم بِالظَّاعُونِ يَأْرِضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ إِلَيْهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya: *Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpah sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya.* (Hadis. Al-Bukhari. No.5728)

Dalam keadaan kes jangkitan COVID-19 masih wujud di seluruh negeri, adalah tidak wajar bagi individu melakukan perjalanan merentas negeri dan bermusafir ke suatu tempat meskipun tujuan niat asalnya adalah baik untuk berziarah. Tindakan ini sudah pasti bertentangan dengan nas hadis Nabi Muhammad SAW dan arahan yang dikeluarkan oleh pemerintah ulul amri. Selari dengan itu, kenyataan yang diungkapkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan SS Prof Madya Datuk Dr. Luqman Haji Abdullah ketika dalam seminar “Cabaran COVID-19 Menurut Perspektif Islam” di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah senada mengatakan “*haram hukumnya melanggar larangan merentas negeri untuk pulang ke kampung menyambut Aidilfitri*”(Astro Awani, 2021). Rentetan daripada ungkapan ini, sebahagian masyarakat meluahkan rasa kekecewaan di media sosial akibat tidak dapat pulang ke kampung halaman.

Perlu diketahui bahawa hukum larangan merentas negeri yang disebutkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan merupakan pandangan peribadi dan tidak melibatkan fatwa dalam bentuk rasmi. Status haram merentas negeri kerana melihat dari tiga aspek. Pertama, melanggar arahan pihak pemerintah ulil amri. Kedua, menyebabkan berlaku penularan risiko penyakit berjangkit dan memberi mudarat kepada orang lain. Ketiga, didapati sebahagian individu menyalah guna dan memalsukan dokumen kebenaran untuk merentas negeri dan daerah serta melanggar arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ketiga-tiga aspek tersebut telah menjadi asas kepada hukum haram ini, ia selari dengan tindakan pencegahan daripada penularan yang memberi mudarat atas dasar *sadd al-zara'ie* iaitu menutup jalan yang membawa kepada kerosakan.

Setelah kadar vaksinasi lengkap populasi dewasa di bawah Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) mencapai 90 peratus, kerajaan telah bersetuju memberi kebenaran bagi individu yang menerima vaksinasi lengkap untuk melakukan pergerakan rentas negeri secara bebas tanpa perlu memohon kebenaran daripada PDRM. Namun begitu kebenaran rentas negeri tidak terpakai kepada lokaliti yang diisyiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan

(PKPD) dan kawasan tempat jangkitan yang dikategorikan sebagai zon merah. Justeru, pembukaan sempadan negeri adalah petanda awal bahawa Malaysia semakin hampir menuju kepada fasa endemik. Status haram merentas negeri semasa pandemik kini telah berubah hukumnya menjadi harus.

Jadual 5: Perubahan hukum dan SOP merentas negeri dari fasa pandemik kepada fasa endemik.

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Bebas untuk merentas negeri	Haram merentas negeri	Harus merentas negeri
Sempadan negara terbuka	Sempadan negara ditutup	Sempadan negara dibuka
Bebas ziarah menziarahi	Aktiviti ziarah tidak dibenarkan	Aktiviti ziarah dibenarkan
Boleh bermusafir	Dilarang bermusafir	Harus bermusafir
Harus menziarahi	Dilarang berziarah	Harus berziarah

5. Penangguhan Ibadah Haji dan Umrah

Pelaksanaan ibadah haji merupakan perkara yang penting dalam merealisasikan matlamat rukun Islam yang kelima dan ditunaikan sekali seumur hidup. Ia diwajibkan ke atas setiap muslim lelaki dan perempuan bagi yang berkemampuan (*istitha'ah*) dari segi fizikal dengan kewangan yang kukuh. Manakala ibadah umrah pula mengikut pendapat mazhab syafie adalah wajib atau fardu bagi orang yang belum melaksanakan sementara dia mampu untuk melaksanakannya (Al-Khin et al., 1992). Kefardhuan ini bertitik tolak dari firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 196 :

وَأَقِمُوا الْحُجَّةَ وَالْعُمْرَةَ لِللهِ

Maksudnya: “Dan sempurnakanlah ibadah haji dan umrah kerana Allah.”

(Surah al-Baqarah: 196)

Bagaimanapun wabak COVID-19 yang melanda dunia ketika pandemik telah memberi kesan kepada kerajaan Arab Saudi untuk menghentikan kemasukan jemaah umrah dan penerbangan antarabangsa, menangguhkan pengeluaran visa jemaah yang ingin menunaikan ibadah umrah serta mengadakan sekatan pergerakan keluar masuk di bandar raya Makkah dan Madinah. Kebenaran melakukan ibadah haji hanyalah diberikan kepada warganegara Saudi dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut (Khalizan, 2021). Rentetan daripada itu, Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas MKI Kali Ke-6 yang bersidang pada 9 Jun 2020 mengambil ketetapan bahawa pelaksanaan ibadah haji pada tahun 1441 Hijrah/ 2020 Masihi ditangguhkan berikutan penularan wabak COVID-19. Status hukum pelaksanaan ibadah haji dan umrah ketika ini tidak lagi menjadi wajib oleh kerana syarat *istitha'ah* tidak mencukupi. Muzakarah berpandangan penangguhan ibadah tersebut berdasarkan hujah-hujah seperti berikut (al-Bakri, 2020) :

- I. *Istitha'ah* (الاستطاعة) melibatkan kemampuan menunaikan ibadah haji dari beberapa aspek iaitu kesihatan, kewangan, keselamatan bakal haji dan keizinan melakukan perjalanan ke Arab Saudi. Tanpa persediaan yang cukup untuk memenuhi kemampuan-kemampuan tersebut, syarat *istitha'ah* tidak dapat dicapai bagi menyempurnakan ibadah haji.
- II. Kefardhuan ibadah haji dikategorikan sebagai kewajipan yang luas waktu pelaksanaannya (الواجب الموسع). Ia harus ditangguhkan apabila syarat wajib tidak sempurna pada tahun tersebut.
- III. Keputusan ini turut selaras dengan kaedah-kaedah fiqh seperti “*Kemudaratan itu hendaklah dihilangkan*”, “*Kemudaratan perlu ditolak semampu mungkin*” dan “*Keputusan pemerintah ke atas rakyat adalah berasaskan maslahah*”.

Sepanjang pandemik COVID-19, pelaksanaan ibadah umrah mengalami penangguhan sebanyak dua kali iaitu penangguhan sewaktu pandemik dan penangguhan sementara pada 8 Januari 2022. Penangguhan ini dibuat ekoran situasi negara Arab Saudi ketika itu dilanda gelombang COVID-19 varian Omicron. Akibatnya, jemaah umrah kali pertama yang berlepas pada 30 Oktober 2021 telah dikesan positif COVID-19 seramai 1,306 daripada 11,108 jemaah umrah setelah pulang ke Malaysia. Daripada 1,306 orang dijangkiti 36 daripadanya dijangkiti oleh varian Omicron (KKM, 2022c). Oleh itu, usaha pihak kerajaan menangguhkan sementara perjalanan umrah merupakan langkah yang tepat dan wajar, sekiranya dibiarkan wujud kemungkinan angka bakal jemaah yang dijangkiti adalah lebih tinggi.

Setelah hampir 2 tahun penangguhan ibadah haji dan umrah, pada tahun 2022 Arab Saudi membenarkan semula dan membuka kuota seramai 1 juta orang dari seluruh negara setelah memasuki fasa endemik. Meskipun begitu, kuota haji yang ditetapkan oleh Arab Saudi kepada Malaysia sebanyak 45% iaitu 14,306 orang jemaah dari kuota rasmi 31,600. Sebagai langkah pencegahan dan kawalan untuk mengurangkan risiko jangkitan COVID-19, kerajaan Arab Saudi telah menetapkan syarat haji seperti berikut: had umur 64 tahun dan ke bawah, mempunyai tubuh badan yang sihat (tiada sakit kronik), mempunyai sijil vaksinasi COVID-19 (3 dos), perlu mengemukakan keputusan negatif ujian calitan (PCR) dalam tempoh 72 jam dari masa berlepas (Rarecation, 2022). Justeru hukum tidak wajib mengerjakan ibadah haji dan umrah semasa pandemik kini telah berubah kepada hukum yang wajib bagi individu menepati syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Arab Saudi kepada jemaah Malaysia.

Jadual 6: Perubahan hukum dan SOP ibadah haji dan umrah dari fasa pandemik kepada fasa endemik.

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Dibenarkan menunaikan haji bagi yang layak	Tidak dibenarkan menunaikan haji	Dibenarkan menunaikan haji
Dibenarkan menunaikan umrah bagi yang layak	Tidak dibenarkan menunaikan umrah	Dibenarkan menunaikan umrah
Kuota mengikut ketetapan kerajaan Arab Saudi	Kuota rasmi 31,600 jemaah Malaysia	Kuota diberi seramai 14,306 jemaah Malaysia

Perlu lengkapkan 3 dos vaksin
 Individu mestilah berusia 65 tahun
 ke bawah
 Individu yang menghidap penyakit
 kronik tidak dibenarkan

6. Memandikan Jenazah COVID-19

Pengurusan jenazah merupakan satu keperluan bagi memastikan jenazah orang Islam terutamanya dapat diuruskan dengan baik berpandukan hukum syarak. Proses pengendalian jenazah hendaklah dilakukan secara rapi dan berhati-hati bermula penyediaan peringkat awal membawa jenazah sehingga ke tempat pengebumian. Kebiasaannya upacara pengebumian jenazah melibatkan aktiviti ritual keagamaan, tradisi budaya dan perkumpulan ahli keluarga yang ramai. Kesan sebahagian daripada upacara pengebumian ini menyebabkan berlaku sentuhan dan ciuman pada mayat, apatah lagi bendalir yang keluar dari jenazah pesakit COVID-19 mempunyai potensi kebolehjangkitan dan akhirnya mengakibatkan seluruh ahli keluarga dijangkiti virus COVID-19. Lantaran itu, pakar forensik KKM dan MKI bersama pihak JAKIM telah menyediakan tatacara tertentu bagi pengendalian jenazah pesakit COVID-19.

Pada asalnya menjadi fardhu kifayah kepada orang yang hidup untuk memandikan, mengkafarkan, menyembahyangkan dan mengebumikan jenazah. Keempat-empat perkara tersebut, wajib ditunaikan dengan kadar segera dan sempurna. Walau bagaimanapun bagi proses memandikan jenazah COVID-19, gugur kewajipan untuk memandikan jenazah tersebut dan diharuskan melakukan prosedur tayamum di atas permukaan beg jenazah atau pembalut plastik dengan mengambil kira SOP yang ditetapkan. Kelonggaran ini mengikut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-107 yang bersidang pada 10-11 Februari 2015 mengenai hukum pengurusan jenazah orang Islam yang disyaki atau disahkan dijangkiti virus ebola (*Ebola Virus Disease: EVD*) di Malaysia. Oleh itu, dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021, Resolusi Muzakarah menetapkan bahawa (JAKIM, 2022) :

- I. Hukum asal pengurusan jenazah muslim termasuk jenazah pesakit COVID19 hendaklah diurus dengan sempurna melalui kaedah pengurusan jenazah dengan dimandi, dikafan, disembahyang dan dikebumikan dalam tempoh masa seminimum mungkin mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- II. Sekiranya terdapat kemungkinan yang tinggi bahawa pengurusan jenazah berisiko dijangkiti dengan penggunaan air, maka hendaklah digantikan dengan tayamum pada anggota badan jenazah dengan mengambil kira Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.
- III. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat halangan atau dibimbangi boleh membawa kepada penyebaran penyakit, maka Muzakarah bersetuju menggugurkan kewajipan memandikan/ tayamum ke atas jenazah dan memadai dengan dikafan, disembahyang dan dikebumikan.

- IV. Dalam melaksanakan keputusan ini, pihak hospital dan pihak berkuasa agama di setiap negeri yang terlibat perlu menyediakan tenaga kerja, segala kelengkapan dan keperluan yang mencukupi dalam pengurusan jenazah COVID19.

Ini bermakna, sekiranya kaedah tayamum masih mendarat kepada pengendali jenazah, maka jenazah tersebut hanya wajib dikafankan, isolatkan dan dikebumikan sahaja tanpa dimandikan.

Setelah negara memasuki fasa endemik, tatacara pengurusan jenazah Islam yang dijangkiti COVID-19 telah disemak semula dan berlaku beberapa pindaan agar ia relevan dengan situasi semasa. Pindaan yang dilakukan sejajar dengan Resolusi Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ketiga Tahun 2021 yang telah bersidang pada 26 Julai 2021. Antara pindaan yang dilakukan adalah (KKM, 2022d) :

- I. Urusan mandi dan kapan boleh dilakukan oleh pengendali jenazah yang terlatih di hospital dengan pemakaian PPE yang lengkap dan bersesuaian.
- II. Mengelakkan aktiviti yang berunsur aerosol generating procedure (AGP) ke atas jenazah seperti menekan perut jenazah.
- III. Hanya 2 orang waris dengan status vaksinasi lengkap serta memakai PPE yang lengkap dibenarkan turut serta dalam urusan memandikan dan mengapangkan jenazah bersama pengendali jenazah yang terlatih di hospital.
- IV. Penggunaan hanya 1 beg mayat bagi setiap jenazah yang dijangkiti COVID-19.

Di samping itu, KKM juga memberi kelonggaran tidak menetapkan jumlah waris yang boleh terlibat dalam upacara pengebumian jenazah akan tetapi perlu memakai PPE yang bersesuaian. KKM juga tidak menetapkan jumlah kehadiran untuk menyaksikan proses pengebumian jenazah, tetapi digalakkan memakai pelitup muka dan elakkan dari bersesak-sesak. Justeru hukum memandikan jenazah sebelum ini ketika pandemik diuruskan dengan kaedah tayamum di atas permukaan paling luar beg jenazah tanpa perlu dimandikan dan diuruskan sepenuhnya di hospital tanpa penglibatan wali, kini pengurusan jenazah boleh dimandikan dan dikafankan dengan langkah berjaga-jaga diikuti kehadiran dua orang waris bersama petugas kesihatan.

Jadual 7: Perubahan hukum dan SOP memandikan jenazah COVID-19 dari fasa pandemik kepada fasa endemik.

Hukum Asal	Fasa Pandemik	Fasa Endemik
Wajib tajhiz mayyit	Tidak boleh dimandikan & dikafankan	Boleh dimandikan dan dikafankan
Digalakkan mengiringi jenazah	Hanya ahli keluarga terdekat boleh menyaksikan pengebumian jenazah	Tidak menetapkan jumlah kehadiran menyaksikan pengebumian jenazah
Tiada batasan	Hanya petugas kesihatan sahaja memandikan dan mengkafankan jenazah.	Hanya dua orang waris dengan status vaksin lengkap boleh turut serta memandikan dan mengkafankan jenazah.

Cukup dikafankan sahaja	Dua lapisan beg mayat bagi setiap jenazah dijangkiti COVID-19	Satu beg mayat bagi setiap jenazah dijangkiti COVID-19
-------------------------	---	--

B. PERUBAHAN HUKUM BERSIFAT KEKAL

1. Penggunaan vaksin COVID-19

Vaksin merupakan satu jenis produk yang berupaya untuk melindungi manusia daripada penyakit berjangkit dengan merangsang sistem ketahanan badan secara selamat. Bagi mengurangkan kadar jangkitan virus COVID-19, kerajaan Malaysia telah melancarkan program imunisasi COVID-19 kebangsaan bagi mewujudkan sasaran ‘herd immunity’ agar keadaan negara dan kesihatan rakyat bertambah baik. Apabila semakin ramai orang memperolehi vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk. Ketika fasa pandemik COVID-19, Majlis Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam telah bersidang pada 3 Disember 2020 mengambil ketetapan bahawa: “*hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan ianya wajib diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan malaysia*” (JAKIM, 2020b).

Berdasarkan perincian fatwa tersebut, Mufti Selangor SS Datuk Dr. Anhar Opir menjelaskan bahawa beberapa perkara perlu difahami oleh masyarakat yang mana hukum harus kepada orang awam adalah merujuk kepada pilihan diri sendiri sama ada ingin mengambilnya ataupun tidak. Sementara hukum yang wajib pula merujuk kepada kemestian yang perlu diambil tanpa sebarang pilihan yang memberi implikasi berdosa sekiranya tidak diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh kerajaan. Istilah kerajaan adalah merujuk kepada kerajaan Malaysia, kerajaan negeri atau ketua agama negeri termasuk pihak berkuasa yang dilantik (Idris, 2021). Bagi mereka yang ditetapkan oleh kerajaan terdiri daripada petugas kesihatan kerajaan dan swasta, polis tentera, Rela, bomba dan individu yang terlibat di barisan hadapan. Seterusnya semua guru-guru termasuk guru agama (KAFA), pegawai masjid dan jurunikah di negeri ini dan seumpamanya. Selain itu, golongan yang berisiko tinggi seperti kencing manis, darah tinggi dan mempunyai penyakit kronik diwajibkan untuk mengambil vaksin supaya dapat mengurangkan beban penyakit yang ditanggung, sekaligus dapat mengurangkan beban kepada sistem kesihatan awam Malaysia.

Dalam proses pemberian vaksin COVID-19, terdapat 3 fasa diberi keutamaan kepada golongan yang diwajibkan oleh kerajaan. Bermula fasa pertama, vaksin diberikan kepada petugas kesihatan kerajaan dan swasta serta petugas barisan hadapan yang merangkumi perkhidmatan penting (*essential services*) dan pertahanan. Pada fasa kedua pula diberikan kepada golongan warga emas berumur 60 tahun ke atas, golongan risiko tinggi mengalami penyakit kronik dan orang kelainan upaya (OKU). Seterusnya pada fasa ketiga diberi keutamaan kepada penduduk berumur 18 tahun ke atas yang menetap di kawasan kluster berisiko tinggi, zon merah, zon kuning dan kemudian zon hijau (KKM,2021). Dalam hal ini, pihak kerajaan mempunyai autoriti untuk mewajibkan kepada rakyatnya mengambil vaksin sekiranya keadaan negara masih menunjukkan jangkitan virus COVID-19 dan jumlah kematian

yang tinggi pada setiap hari. Pihak pemerintah dituntut memutuskan sesuatu keputusan yang paling mendatangkan maslahah kepada seluruh rakyat, setelah menimbangtara faktor-faktor yang pelbagai serta setelah mendapatkan pandangan-pandangan daripada pihak-pihak yang berkepakaran dan juga berautoriti. Hal ini adalah selaras dengan kaedah fiqh yang berbunyi :

تَصْرِيفُ الْإِمَامَ عَلَى الرَّعْيَةِ مَنْوَطٌ بِالْمُصلَحَةِ

Ertinya: “*Tindakan pemerintah ke atas rakyat berdasarkan kemaslahatan*”
(as-Suyuthi, 1983).

Sehubungan dengan itu, sekiranya pengambilan vaksin tersebut terbukti berkesan dalam mencegah penyakit serta ternafi sebarang kemudaratan daripadanya, maka hukum pengambilannya adalah dituntut bahkan menjadi wajib apabila ditetapkan oleh pihak pemerintah (Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, 2020). Walau bagaimanapun terdapat golongan yang dikecualikan untuk mengambil vaksin seperti individu yang mempunyai alahan adalah tidak diwajibkan.

Sejajar dengan kelajuan dan keluasan kadar vaksinasi, negara Malaysia telah berjaya mencapai sasaran 90 peratus populasi dewasa lengkap dua dos vaksin COVID-19. Kini impak positif pemberian vaksin dapat dilihat kesannya apabila jumlah kes positif harian dan pesakit kritikal di hospital semakin menurun. Buktinya jumlah kemasukan warga emas ke Hospital Sungai Buloh bagi kes positif kategori tahap empat dan lima menunjukkan penurunan melebihi 50 peratus (Sinar Harian, 2021). Sehingga artikel ini ditulis (29/9/2022), jumlah kes jangkitan virus COVID-19 mencatatkan 1,867 sehari berbanding jumlah kes pernah direkodkan tertinggi di negara Malaysia iaitu 31,199 kes dalam sehari (Sulaiman, 2022).

Meskipun negara sudah memasuki fasa endemik, risiko untuk dijangkiti masih tetap berlaku kerana virus COVID-19 masih aktif di sekeliling manusia dan di seluruh tempat. Tambahan lagi terdapat pelbagai varian baharu yang muncul seperti varian Alpha, Beta, Gamma, Delta dan Omicron serta Deltacron yang menyerang lebih ganas. Maka terdapat keperluan untuk mengambil vaksin COVID-19 mahupun dos penggalak terutamanya bagi golongan yang mempunyai penyakit kronik dan individu yang tidak mengambil vaksin. Selain itu, terdapat juga keperluan kepada pengambilan dos penggalak bagi beberapa urusan ke luar negara. Justeru hukum keharusan mengambil vaksin masih kekal sehingga kini dan menjadi wajib apabila ditetapkan oleh kerajaan. Hukum ini adalah selari dengan pandangan institusi-institusi fatwa sedunia yang memfatwakan keharusan penggunaan vaksin, antaranya *al-Azhar al-Syarif* menerusi *Hai'ah Kibar Ulama al-Azhar, Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah*, Majlis Fatwa Kerajaan Emiriah Arab Bersatu yang dipengerusikan oleh Syeikh Ben Bayyah dan *Majma' Fuqaha' al-Syari'ah*, Amerika yang dianggotai oleh Dr. Muhammad al-Zuhaily (Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama, 2020). Berdasarkan prinsip *Maqasid Syar'iyyah*, mengambil suntikan vaksin juga adalah suatu usaha dalam memelihara dan menjaga nyawa (حفظ النفس) yang merupakan suatu kewajipan selain daripada menjaga agama, keturunan, akal dan harta. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah :

وَمَنْ أَخْيَاهَا فَكَانَ أَخْيَا النَّاسَ جِئْنُوا

Maksudnya: “*Barang siapa memelihara kehidupan seseorang manusia maka seakan-akan dia telah memelihara kehidupan semua manusia.*”

(Surah al-Maidah: 32).

KESIMPULAN

Situasi penularan wabak COVID-19 menjadi titik tolak munculnya pelbagai persoalan hukum-hakam baharu yang timbul melibatkan isu nawazil dalam aspek ibadah yang memerlukan kepada pendekatan ijтиhad. Hal ini telah memberi cabaran kepada umat Islam dan Institusi Fatwa Malaysia bagi menyesuaikan amalan norma baharu selari dengan panduan hukum syarak. Sepanjang penularan wabak COVID-19, negara Malaysia telah mengalami perubahan sebanyak dua fasa iaitu dari fasa pandemik kepada fasa endemik. Peralihan negara memasuki fasa pandemik dan endemik telah memberi kesan terhadap perubahan hukum Islam yang bersifat sementara mahupun bersifat kekal.

Umumnya perubahan hukum yang berlaku semasa pandemik tercetus akibat daripada perubahan sosial yang diamalkan oleh masyarakat akibat pembudayaan norma baharu seperti penjarakkan fizikal, amalan kebersihan dan pemakaian pelitup muka di samping menjauhi diri dari tempat yang sesak bagi mengurangkan jangkitan virus COVID-19. Tambahan lagi, penguatkuasaan PKP dan lockdown yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah merupakan ketetapan undang-undang yang berkait dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) telah mempengaruhi suasana kehidupan sosial daripada keadaan sebelumnya kepada keadaan yang baharu. Pengingkaran dan pelanggaran terhadap akta ini juga menjadi suatu kesalahan untuk didenda iaitu tidak melebihi RM1,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali (KKM, 2020). Oleh sebab itu, faktor ketetapan undang-undang, akta, enakmen dan pembudayaan norma baharu dalam kalangan masyarakat telah mempengaruhi perubahan sosial sekaligus memberi kesan terhadap hukum ibadah umat Islam semasa pandemik.

Manakala ketika negara memasuki fasa endemik, penulis mendapati sebanyak 8 hukum yang diputuskan semasa pandemik telah kembali kepada hukumnya yang asal dan 1 hukum lagi masih kekal sehingga kini. Antara hukum yang mengalami perubahan sementara adalah seperti penangguhan solat fardhu berjemaah dan solat jumaat, penjarakan saf, pengehadan bilangan jemaah, larangan merentas negeri, nikah atas talian, dan kaedah tayammum ke atas jenazah COVID-19 serta penangguhan ibadah haji dan umrah. Manakala hukum penggunaan vaksin COVID-19 masih kekal dan relevan sehingga kini berikutan kes jangkitan COVID-19 masih wujud di setiap negara dan terdapat keperluan untuk mengambilnya. Justeru, perubahan hukum semasa endemik tercetus disebabkan oleh empat faktor utama, iaitu kejayaan negara Malaysia mencapai sasaran 90 peratus populasi dewasa lengkap dua dos vaksin COVID-19, telah melalui Pelan Pemulihan Negara (PPN) sebanyak 4 fasa, kes jangkitan COVID-19 menurun serta fasiliti kesihatan di hospital berada dalam keadaan terkawal. Maka dengan kejayaan ini membolehkan rakyat Malaysia dapat melakukan pergerakan aktifiti bebas dan menjalani kehidupan kepada hampir normal.

Pun begitu, perubahan hukum ini bergantung kepada penilaian situasi semasa. Sekiranya kes jangkitan kembali meningkat dan tidak terkawal, tidak mustahil keputusan hukum akan berubah seperti keadaan asal sewaktu pandemik. Tambahan lagi penularan virus yang sedang melanda dunia hari ini bukan sahaja wabak COVID-19, malah terdapat virus yang lain seperti HFMD, Influenza, cacar monyet (*monkey pox*), demam babi dan penyakit X yang menyerang penduduk dunia masa kini. Oleh yang demikian, Institusi Fatwa perlu meneliti realiti perubahan sosial yang berlaku di dalam negara serta mengkaji faktor-faktor yang mencetuskan perubahan tersebut. Melalui penelitian ini, fatwa-fatwa yang dikeluarkan mampu menawarkan solusi yang tuntas kepada permasalahan masyarakat dan seterusnya dapat memelihara kemaslahatan ummat. Ironinya, pembaharuan hukum Islam semasa penularan wabak COVID-19 masih boleh dilakukan dalam ruang lingkup ijтиhad berdasarkan realiti semasa agar motif utama penetapan hukum dapat merealisasikan kemaslahatan umat manusia, baik di dunia maupun di akhirat. Sebagaimana ditegaskan oleh Imam as-Shatibiy dalam kitabnya *al-Muwafaqat*:

وَمَعْلُومٌ إِنَّ الشَّرِيعَةَ إِنَّمَا وَضَعَتْ لِمَاصَاحِ الْخَلْقِ بِإِطْلَاقٍ

Maksudnya: “*Telah diketahui bahawa hukum Islam itu disyariatkan untuk mewujudkan kemaslahatan makhluk secara mutlak*” (As- Shatibiy, 1997).

Melalui perbahasan ini, perubahan hukum yang berlaku sepanjang wabak COVID-19 dapat membuktikan bahawa hukum Islam adalah bersifat syumul, fleksibel, dinamis dan mampu menyesuaikan keadaan yang berlaku di sekitarnya sama ada dalam situasi pandemik maupun endemik. Secara tidak langsung perubahan ini dapat menyangkal dakwaan oleh Snouck Hurgronje seorang orientalis yang mengatakan bahawa hukum Islam itu bersifat kaku, jumud dan tidak menerima segala perubahan seiring perkembangan zaman. Maka tidak dapat disangkal lagi bahawa sifat hukum Islam telah menepati kaedah fiqh iaitu “*tidak diingkari perubahan hukum disebabkan perubahan masa*”.

PENGHARGAAN

Kajian ini menggunakan dana yang diperuntukkan oleh Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya melalui geran khas penyelidikan (GKP) UMG032L-2022.

RUJUKAN

- Al-Azhari, B. I. 2022. *Fiqh Bencana Alam: 55 Aplikasi Fiqh Kontemporari*. Kuala Lumpur: PTS Publishing House.
- Astro Awani. 2021. COVID-19: Haram Langgar Larangan Rentas Negeri - Mufti Wilayah. Dikemaskini Mei 1, 2021, <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-haram-langgar-larangan-rentas-negeri-mufti-wilayah-295902>.
- Al-Bakri, Z. 2020. *Al-Bayan Siri 10: Penangguhan Ibadah Haji 1441h*: Suatu Pencerahan. *Zulkifli al-Bakri*, Jun 12, 2022. <https://zulkiflialbakri.com/al-bayan-siri-10-penangguhan-ibadah-haji-1441h-suatu-pencerahan/>.
- Al-Bukhari, A. A. M. I. 2016. *Sahih al-Bukhari*. Karachi: al-Bushra.

- Berita Harian . 2021. China mula bergelut dengan varian Delta. Ogos 2, 2021.
www.bharian.com.my/dunia/asia/2021/08/846240/china-mula-bergelut-dengan-varian-delta.
- Bernama. 2021. Jumlah jemaah solat Jumaat dihadkan. *My Metro*. Januari 13, 2022.
<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/663715/jumlah-jemaah-solat-jumaat-dihadkan>.
- Bhari, A., Abdullah, L., Khalid, M. M., Yaakob, M. A. Z., Yusof, M. F. M., & Saad, M. N. 2021. Analisis Perubahan Pelaksanaan Hukum Fiqh Ketika Tempoh Penularan Wabak Virus Korona di Malaysia,” dalam COVID-19 Daripada Perspektif Fiqh & Usul Fiqh. ed. Irwan Mohd Subri. Nilai: Penerbit USIM. 193-213.
- Darwis, R. 2017. Pemikiran Ibnu Qayyim Al-Jauziyah Terhadap Paradigma Perubahan Hukum. *Adzkiya: Jurnal Hukum Dan Ekonomi Syariah* 5.1 (2017): 67-86.
- Al-Ghazali. 1993. *Al-Mustasfa Min Ilm al-Usul*. ed. Muhammad ‘Abdus Salam as-Shāfi’i. Cet. pertama. Beirut: Dār al-Kutub Ilmiyah.
- Ibn Taimiyyah. 2005. *Majmu ’atul Fatawa*. cet. ke-3. Mansūrah: Darul Wafa’.
- Idris, A. H. 2021. Persiapan Ibadah Menuju Era Endemik. *Al-Hijrah Online*. September 16, 2021. <https://alhijrahnews.com/persiapan-ibadah-menuju-era-endemik/>.
- Idris, A. R. 2021. Vaksin: Wajib taat perintah kerajaan. *Utusan Malaysia*. Oktober 3, 2021. <https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/vaksin-wajib-taat-perintah-kerajaan/>.
- Ismail, A. U. I., Azahari, R., & Daud, Z. F. M. 2021. Pandangan Fuqaha Mutaqaddimin dan Muta’akhhirin Mengenai Isu Akad Nikah Secara Atas Talian. *Jurnal Fiqh*, 18(2), 409-434.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2013. *Fatwa Isu-Isu Munakahat : Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*. Putrajaya: JAKIM. https://sppim.gov.my/pdf/panduan/fatwa_munakahat-2013.pdf.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2020a. Kenyataan Media Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Berkaitan Penangguhan Semua Aktiviti Keagamaan Di Masjid Dan Surau Serta Panduan Pengurusan Jenazah Mangsa Covid-19. Mac 17, 2020. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/447-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkaitan-penangguhan-semua-aktiviti-keagamaan-di-masjid-dan-surau-serta-panduan-pengurusan-jenazah-mangsa-covid-19>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2020b. Kenyataan Media Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) Berkenaan Hukum Penggunaan Vaksin Covid-19. Disember 23, 2020. <https://www.islam.gov.my/ms/kenyataan-media/2386-kenyataan-media-menteri-di-jabatan-perdana-menteri-hal-ehwal-agama-berkenaan-hukum-penggunaan-vaksin-covid-19>.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. 2022. Garis Panduan Tatacara Pengurusan Jenazah Orang Islam Yang Dijangkiti Covid-19 Edisi 2022. Ogos 26, 2022. <https://www.islam.gov.my/ms/garis-panduan/3308-garis-panduan-tatacara-pengurusan-jenazah-orang-islam-yang-dijangkiti-covid-19-edisi-2022>.
- Al-Jauziyyah, I. Q. 1991. *I’lam al-Mawaqqi ’in An Rabbil ‘Alamin*. ed. Muhammad Abdus Salam Ibrahim. cet. pertama. Beirut: Dār kutub Ilmiah.

- Al-Kasani, A. B. A. 2003. *Bada’I as-Sana’I fī Tartīb asy-Syara’I*. Kitab Salat. cetakan ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyah.
- Kamaruddin, N. K., Sabaruddin, S. N. A., Ab Alim, N. N. A., Razak, T. M. T. A., & Remly, M. R. B. (2021). Amalan Penjarakan Fizikal Dalam Solat Berjemaah Di Masjid Menurut Perspektif Maqasid Syariah. *Journal of Fatwa Management and Research* (JFatwa).
- Katzourakis, A. 2022. COVID-19: endemic doesn't mean harmless. *Nature*: 485-485. Januari 24, 2022 <https://www.nature.com/articles/d41586-022-00155-x>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2020. Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Dikemaskini November 23, 2020. <https://covid-19.moh.gov.my/faqsop/akta-342>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2021. Proses Agihan Vaksin di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Februari 5, 2021. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2021/feb/proses-agihan-vaksin-05022021>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2022a. Perbezaan Maksud Endemik, Epidemik Dan Pandemik. Mac 14, 2022. <https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/semasa/2022/03/perbezaan-maksud-endemik-epidemik-dan-pandemik>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2022b. Langkah-Langkah Untuk Hidup Bersama Covid-19. Mac 15, 2022. <https://covid-19.moh.gov.my/reopeningsafely/semasa/2022/03/langkah-langkah-untuk-hidup-bersama-covid-19>.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. 2022c. Penangguhan Sementara Kebenaran Perjalanan Mengerjakan Umrah. Januari 1, 2022, <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/01/penangguhan-sementara-kebenaran-mengerjakan-umrah>.
- Kenyataan Media KKM. 2022d. Semakan Semula Tatacara Pengurusan Jenazah Islam Dan Bukan Islam Yang Dijangkiti COVID-19. Jun 30, 2022. <https://covid-19.moh.gov.my/semasa-kkm/2022/06/semakan-semula-tatacara-pengurusan-jenazah-islam-dan-bukan-islam-yang-dijangkiti-covid-19>.
- Khalizan, M. I. M. 2021. Tiada rakyat Malaysia akan ke Makkah tunai haji tahun ini - Menteri Agama. *Mstar*. Jun 12, 2021. <https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2021/06/12/tiada-rakyat-malaysia-akan-ke-makkah-tunai-haji-tahun-ini---menteri-agama>.
- Al-Khin, M., Al-Bugha, M., & Sharbajiy, A., 1992. *Fiqhul Manhaji alā Madhab al-Imam al-Syafi’i*. cet. ke-4. Dimasyk: Dār Qalm.
- KKMNOW. 2023. The latest data on the pandemic in Malaysia. Mei 7, 2023. <https://data.moh.gov.my/covid>.
- Majlis Keselamatan Negara. 2020. Pembudayaan Norma Baharu. Disember 2, 2020. <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2020/12/02/norma-baharu/>.
- Majlis Keselamatan Negara. 2021. Larangan Rentas Negeri & Daerah Tanpa Kebenaran Pihak PDRM Di Seluruh Negara Berkuatekuasa 10 Mei 2021. *Facebook*. Mei 8, 2021. <https://www.facebook.com/MKNJPM/photos/a.1829514137151484/3381667915269424/>.

- Majlis Keselamatan Negara. 2022. Pelan Pemulihan Negara –Fasa 4 SOP Sektor Sosial (Aktiviti Majlis Akad Nikah). Dikemaskini Februari 11, 2022.
<https://asset.mkn.gov.my/web/wp-content/uploads/sites/3/2019/08/JAKIM-PPN-Fasa-4-SOP-Aktiviti-Majlis-Akad-Nikah-Kemaskini-11-Februari-2022.pdf>.
- Muhamad, M. 2021. COVID-19: Nikah 'Online' Dibenar Untuk Kes Tertentu - Ahmad Marzuk. *Astro Awani*. Julai 19, 2021. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-nikah-online-dibenar-untuk-kes-tertentu-ahmad-marzuk-309156>.
- Mutalib, L. A., Ismail, W. A. F. W., Baharuddin, A. S., Ismail, A. M., Awang, M. S., Gunardi, S., Salleh, S. F., & Ahmad, M. H. (2020). Analisis Peranan Ulil Amri Dan Pihak Berkuasa Agama Dalam Menentukan Polisi Umum Berkaitan Hukum-Hakam Di Malaysia: Kajian Terhadap Isu-Isu Semasa Pandemik COVID-19. INSLA E-Proceedings, 3(1), 235-248.
- Noor, M. I. M., & Noor F. N. M., (2021). Aplikasi Kaedah Perubahan Hukum dengan Berubahnya Masa dalam Siyasah Syariyyah. Journal of Contemporary Islamic Law, 6(1), 53-61.
- Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). 2020. Pengambilan Vaksin COVID-19: Hukum dan Permasalahannya. Siri 7: Al-Bayan, Disember 2020. Bil 07/2020. E-book. https://covid-19.moh.gov.my/vaksin-covid-19/islam-dan-vaksinasi/hukum-vaksin-covid-19/Al-Bayan_Siri-7.pdf.
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Al-Kafi #1657: Hukum Solat Jumaat Dalam Suasana COVID-19. Mac 13, 2020. <https://muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/4318-al-kafi-1657-hukum-solat-jumaat-dalam-suasana-covid-19>.
- Prime Minister's Office of Malaysia. 2022. Kenyataan Media YAB Perdana Menteri: Fasa Peralihan Ke Endemik. Mac 8, 2022, <https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2022/03/Kenyataan-Media-Mesyuarat-Menteri-Kuarter-1.pdf>.
- Al-Qaradawi, Y. 1996. *Fī Fiqhil Awlawiyyat Dirasah Jadidah fī Dawr al-Quran wa al-Sunnah*. cet. kedua. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Ramli, M. A. 2021. Cabaran Lokal dan Global Terhadap Kelestarian Keluarga Malaysia Pasca Pandemik COVID-19, dalam Keluarga Malaysia Dan Perpaduan Umat: Konsep, Gagasan & Realiti. ed. Baharom Kassim, Abd. Karim Ali, Muhammad Alihanafiah Norasid, Muhammad Ikhlas Rosele dan Muhammad Safwan Harun. Petaling Jaya: Persatuan Ulama' Malaysia. 259-286.
- Ramli, M. A., Hissham, M. K. H. N., Zulkepli, M. I. S., & Idris, M. A. H. 2021. Norma Baharu Dalam Masyarakat Islam di Malaysia Dari Perspektif Islam, dalam *Islam & Peranannya Dalam Pembangunan Dinamik Masyarakat Menangani COVID-19 di Malaysia*. ed. Norhayati Rafida Abdul Rahim. Nilai: Penerbit USIM. 201-222.
- Rarecation. 2022. Syarat-syarat Kelayakan Haji 2022. Mei 17, 2022.
<https://www.rarecation.com/blogs/news/syarat-syarat-kelayakan-haji-2022>.
- Saadah Man. 2015. "Fiqh Semasa: Konsep Dan Aplikasinya", *Jabatan Agama Islam Selangor*.
https://www.jais.gov.my/userfiles/user/Artikel/ARTIKEL_FIQH_SEMASA.pdf.
- Salleh, S. F. 2015. Pengeluaran Hukum Fiqah Semasa Berasaskan Perubahan Sosial. Terengganu: Penerbit UniSZA.

- Al-Shatibiy. 1997. *Al-Muwafaqat*. ed. Abu Ubaidah Masyhur. Dar Ibnu Affān.
- Al-Shirazi, A. I. 1992. *Al-Muhazzab Fīl Fiqhil Imam Ash-Syafī I*. ed. Muhammād az-Zuhāīlī. Dimasyk: Darul qalm.
- Sinar Harian. 2021. Kes Covid-19 menurun ketara selepas suntikan vaksin: PM. Dikemaskini Julai 17, 2021, <https://www.sinarharian.com.my/article/150532/berita/nasional/kes-covid-19-menurun-ketara-selepas-suntikan-vaksin-pm>.
- Sulaiman, N. A. 2022. Malaysia catat angka tertinggi 31,199 kes baharu. *Berita Harian*. Februari 24, 2022.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/02/926280/malaysia-catat-angka-tertinggi-31199-kes-baharu>.
- Al-Suyuthi, J. A. R. 1983. *al-Asybah Wa Naza'ir*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Wahidin, J. 2020. Impact of covid-19 pandemic on the implementation of islamic fiqh al-tasawabit and al-mutaghayyirat approaches. *Systematic Reviews in Pharmacy*, 1102-1107.
- Yatim, M. N. M. 2021. Jangan berbalah kerana jarak saf ketika Covid-19. *Utusan Malaysia*, Mac 22, 2021. <https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2021/03/jangan-berbalah-kerana-jarak-saf-ketika-covid-19/>.